



SAFETY ALERT

LANTAI KONKRIT RUNTUH



JKKP/DOSH

Ringkasan kejadian

Kejadian lantai konkrit runtuh berlaku di salah satu tapak pembinaan di Lembah Klang mengakibatkan kerosakan teruk pada binaan bangunan. Tiada kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan membabitkan kejadian tersebut.

Langkah kawalan

- i. Orang yang ditetapkan (pengurus, jurutera, penyelia dll) haruslah menyelia pembinaan kotak acuan termasuklah penyangga, perambat dan penyokong lain.
- ii. Apabila acuan telah dibina, orang yang ditetapkan itu hendaklah membuat pemeriksaan menyeluruh untuk memastikan bahawa acuan itu selamat.
- iii. Orang yang ditetapkan haruslah memeriksa kotak acuan, penyangga, perambat dan penyokong lain semasa konkrit dituang.
- iv. Mana-mana keadaan yang tidak selamat yang ditemui semasa pemeriksaan hendaklah diperbaiki dengan segera.
- v. Orang yang ditetapkan haruslah menyimpan semua rekod pemeriksaan di tempat pembinaan sebagai rujukan sekiranya terdapat penambaan perlu dilakukan.

Rujukan

- i. Peraturan –peraturan Kilang dan Jentera (Kendalian Bangunan dan Kerja-kerja Binaan Kejuruteraan) 1986

